

| | | | |
|-------------|---|--------------|--------------------------|
| Headline | TEC System, Mimos ambil inisiatif bangun teknologi | | |
| Date | 23. Jun 2008 | Language | MALAY |
| Media Title | Harian Metro | Page No | 27 |
| Section | Setempat | Article Size | 63 cm² |
| Circulation | 336603 | Frequency | Daily |
| Readership | 2192000 | Color | Full Color |



TEC System, Mimos ambil inisiatif bangun teknologi

FTEC System Sdn Bhd, anak syarikat FTEC Resources Bhd menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Mimos Bhd untuk bersama-sama membangunkan pelan perniagaan dan meneroka inisiatif pemindahan teknologi.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur baru-baru ini, pembangunan itu sebahagian besarnya membabitkan pembangunan dan pengkomersialan produk peranti pengiraan berasaskan komputer peribadi Mimos yang dikenali sebagai iDola dan versi teknologi Protokol Internet 6 (IPv6).

iDola yang dibangunkan dengan usaha sama Intel Malaysia itu disasarkan untuk pasaran gaya hidup, sektor pendidikan dan mereka yang mempunyai bajet terhad tetapi mahukan akses pengiraan dan Internet.

“Usaha sama Mimos dengan FTEC adalah satu lagi usaha bersama bagi menggerakkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) ke tahap lebih tinggi selain membantu merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia menerusi pembangunan platform teknologi inovatif,” katanya.